



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

=====
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1/1993
=====

PERATURAN BERPAKAIAN MASA BERTUGAS BAGI
ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Maksud Al-Quran:

"Wahai Nabi! suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengsihahi."

(Surah Al-Ahzab ayat 59)

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1/1993

PERATURAN BERPAKAIAN MASA BERTUGAS BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN

1. Kerajaan Negeri telah menetapkan semua anggota-anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan supaya sentiasa berpakaian kemas yang sesuai untuk bertugas. Cara berpakaian ini adalah salah satu dari aspek penting dalam cara hidup kerana ianya memberikan kesan langsung kepada imej Perkhidmatan Awam Negeri.
2. Didalam menetapkan peraturan berpakaian ini Kerajaan Negeri dari masa ke semasa telahpun mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan mengenainya. Walau bagaimanapun peraturan yang ditetapkan ini tidak menepati dan tidak selaras dengan dasar Kerajaan yang ingin mewujudkan kehidupan harian yang lebih mencerminkan masyarakat Islam.
3. Bagi memenuhi hasrat tersebut semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri adalah dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan berpakaian yang disesuaikan dengan aspirasi Kerajaan sebagaimana berikut -

KUMPULAN ANGGOTA	ANGGOTA LELAKI	ANGGOTA PEREMPUAN
<p>) Pegawai Pengurusan Tertinggi dan</p> <p>) Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional</p>	<p>i) "Lounge Suit" atau "bush-jacket" dengan bahan kain yang sesuai; atau seluar panjang dengan baju kemeja dan bertali leher; dan jika baju tersebut berlengan panjang, tangan baju hendaklah jangan dilipatkan.</p> <p>ii) Pakaian baju Melayu lengkap dengan bersamping, atau pakaian baju yang mirip dengan potongan baju Melayu dan dipakai dengan seluar panjang.</p> <p>iii) Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya sahaja. Selipar, kasut getah dan kasut sokan tidak boleh dipakai.</p>	<p>i) Pakaian yang dipakai hendaklah jenis yang longgar serta menutup aurat, yakni seluruh tubuh badan dilindungi oleh pakaian kecuali bahagian muka dan dua tapak tangan hingga ke pergelangan tangan. Pakaian ini juga hendaklah:-</p> <p>a) tidak merupakan bentuk perhiasan kecantikan;</p> <p>b) tidak jarang kainnya;</p> <p>c) lebar dan tidak sempit, sehingga menampakkan bentuk badan;</p> <p>d) tidak berbau wangi-wangian;</p> <p>e) tidak menyerupai pakaian lelaki;</p> <p>f) tidak merupakan pakaian yang menjolok mata; dan</p> <p>g) tidak merupakan pakaian yang aneh yang boleh menarik perhatian orang ramai.</p> <p>ii) Bagi anggota yang tidak beragama Islam pakaian kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing yang sopan dan sesuai dipakai untuk bekerja. Pakaian jenis 'skirt' hendaklah labuh melindungi lutut.</p>
<p>) Pegawai Kumpulan Sokongan</p>	<p>i) Seluar panjang berserta baju kemeja dengan warna yang sesuai (warna lembut). Baju hendaklah dimasukkan kedalam. Jika baju tersebut berlengan panjang, tangan baju hendaklah jangan dilipatkan.</p> <p>ii) Pakaian baju Melayu lengkap dengan bersamping, atau pakaian baju yang mirip dengan potongan baju Melayu dan dipakai dengan seluar panjang.</p> <p>iii) Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya sahaja. Selipar, kasut getah dan kasut sokan tidak boleh dipakai.</p> <p>iv) Pakaian seragam hendaklah dipakai bagi semua anggota yang dibekalkan dengannya.</p>	<p>i) Pakaian yang dipakai hendaklah jenis yang longgar serta menutup aurat, yakni seluruh tubuh badan dilindungi oleh pakaian kecuali bahagian muka dan dua tapak tangan hingga ke pergelangan tangan. Pakaian ini juga hendaklah:-</p> <p>a) tidak merupakan bentuk perhiasan kecantikan;</p> <p>b) tidak jarang kainnya;</p> <p>c) lebar dan tidak sempit, sehingga menampakkan bentuk badan;</p> <p>d) tidak berbau wangi-wangian;</p> <p>e) tidak menyerupai pakaian lelaki;</p> <p>f) tidak merupakan pakaian yang menjolok mata; dan</p> <p>g) tidak merupakan pakaian yang aneh yang boleh menarik perhatian orang ramai.</p> <p>ii) Bagi anggota yang tidak beragama Islam pakaian kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing yang sopan dan sesuai dipakai untuk bekerja. Pakaian jenis 'skirt' hendaklah labuh melindungi lutut.</p> <p>iii) Pakaian seragam hendaklah dipakai bagi semua anggota yang dibekalkan dengannya.</p>
<p>) Semua anggota.</p>	<p>i) Dikehendaki memakaiencana nama (name tag) pada setiap hari kerja.</p> <p>ii) Pada hari khamis semua anggota (kecuali mereka yang dikehendaki memakai pakaian seragam) adalah digalakkan memakai baju batik.</p>	

4. Ketua-ketua Jabatan adalah diminta menarik perhatian semua anggota di Jabatan masing-masing berkenaan dengan peraturan berpakaian yang disebut dalam Pekeliling ini.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada 1 Februari 1993.


6. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini Pekeliling dan Surat Pekeliling berikut adalah dibatalkan:

(a) Perenggan 2 kepada Pekeliling Perkhidmatan Negeri Kelantan Bil. 2 Tahun 1985; dan

(b) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6/1991

"MEMBANGUN BERSAMA ISLAM"

Yang menurut perintah,


(DATO' HAJI AB. RAZAK BIN SALLEH)
SETIAUSAHA KERAJAAN,
KELANTAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
KELANTAN, KOTA DARULNAIM,
KOTA BHARU

BERTARIKH: 5 SYAABAN 1413.
28 JANUARI 1993.

Kepada: Semua Ketua Jabatan Negeri.
Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun Negeri.
Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

Salinan: Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

[SUK(KN) BIL: 85/79'S'/(14)]